



## **STQS1023 PENGENALAN KEPADA DATA DAN KEBARANGKALIAN**

**SEM 2 2020/2021**

**HASIL KAJIAN (DATA HIS 2014)**

### **NAMA AHLI KUMPULAN:**


1. NURUL SHAHIEDA FATIEHAH BINTI MOHAMAD ZUKIRAM (A180933)
2. NURUL IZZAH BINTI MOHAMAD AMIN (A180238)
3. NABILAH BINTI AZHARI (A182334)
4. NUR FARIHAH BINTI MOHAMAD SUPRI (A181382)
5. NURIN JAZLINA BINTI ABDUL KHAHAR (A181686)

## **1.0 LAPORAN ANALISIS DAN PENGVISUALAN DATA**

### **DATA SEKUNDER :**

#### **Objektif Kajian :**


- 1) Mengenal pasti jenis pekerjaan ketua isi rumah.
- 2) Menyenaraikan pendapatan kasar bulanan purata.
- 3) Menentukan taraf aktiviti ketua isi rumah.
- 4) Membandingkan jumlah pendapatan kasar dan bersih (tahunan) 5)  
Mengenal pasti sijil tertinggi ketua isi rumah.



Berdasarkan graf yang dipaparkan, kami dapat simpulkan bahawa :


- Jenis pekerjaan 5 iaitu pekerja mahir pertanian dan perhutanan merupakan jumlah tertinggi berbanding semua jenis pekerjaan yang lain bagi jenis pekerjaan ketua isi rumah.
- Jenis pekerjaan 3 iaitu pekerja sokongan perkeranian merupakan jumlah kedua tertinggi bagi jenis pekerjaan ketua isi rumah dan diikuti dengan jenis pekerjaan 6 iaitu pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan dengan hanya sedikit sahaja perbezaan di antara satu sama lain.
- Jenis pekerjaan 4 iaitu pekerja perkhidmatan dan jualan mencatatkan jumlah jenis pekerjaan yang paling kurang berbanding dengan jenis pekerjaan yang lain.
- Jumlah catatan jenis pekerjaan 1 iaitu jenis pekerjaan profesional dan jenis pekerjaan 0 iaitu pengurus hanya menunjukkan sedikit sahaja perbezaan di antara satu sama lain dengan jumlah pekerjaan 0 mencatatkan jumlah yang lebih tinggi sedikit berbanding jumlah pekerjaan 1.

### Pendapatan Kasar Bulanan Purata



Berdasarkan graf diatas, dapat disimpulkan bahawa :


- Pendapatan kasar bulanan (purata) di atas dibahagikan kepada 12 bulan. Pendapatan kasar bulanan (purata) ketua isi rumah paling tinggi diantara 20000 hingga 25000.
- Pendapatan kasar bulanan (purata) ketua isi rumah paling rendah diantara 0 hingga 5000.
- Kebanyakannya rakyat Malaysia mempunyai pendapatan kasar bulanan (purata) dari (bulan 1 hingga 12 ) lebih daripada 20000.



Daripada graf di atas, data yang dapat diperihalkan adalah :


- Taraf aktiviti 3 iaitu pekerja swasta mencatatkan jumlah tertinggi dan diikuti bekerja sendiri sebagai taraf aktiviti 4 kedua tertinggi dan pekerja kerajaan sebagai taraf aktiviti 2 di tempat ketiga paling tinggi.
- Bagi taraf aktiviti 1, 7, 9 dan 10, semua pemboleh ubah tersebut hanya menunjukkan sedikit perbezaan antara satu sama lain dan taraf aktiviti 7 mewakili suri rumah atau penjaga rumah mencatatkan bilangan ketua isi rumah yang paling rendah.
- Taraf aktiviti 5 dan 6 iaitu masing-masing adalah pekerja keluarga tanpa gaji dan penganggur memaparkan tiada bilangan ketua isi rumah.

Jumlah pendapatan kasar dan bersih (tahunan)



Berdasarkan graf diatas, dapat disimpulkan bahawa :

- Jumlah pendapatan kasar ( tahunan) adalah hasil jumlah daripada pendapatan pekerjaan bergaji, pendapatan lain diperoleh, pendapatan daripada harta, pindahan masa diterima iaitu  $INS01+INS02+INS03+INS05$ .
- Jumlah pendapatan bersih (tahunan) adalah jumlah pendapatan kasar tolak jumlah pindahan semasa diterima iaitu  $INS01+INS02+INS03+INS06$ .
- Jumlah pendapatan kasar (tahunan) adalah lebih tinggi berbanding jumlah pendapatan bersih (tahunan).



Berdasarkan graf yang dipaparkan, dapat kita simpulkan bahawa :

- Sijil tertinggi iaitu 4 yang merupakan peringkat SPM/SPMV telah mencatatkan bilangan ketua isi rumah yang paling banyak memperoleh sijil tertinggi tersebut.
- Bilangan ketua isi rumah yang tidak mempunyai sijil iaitu 6 mencatatkan jumlah bilangan ketua isi rumah yang kedua tertinggi manakala 5 adalah sijil bagi peringkat PMR/SRP memberikan jumlah bilangan ketua isi rumah yang ketiga tertinggi yang memperoleh sijil tersebut.
- Bagi sijil tertinggi 2 iaitu peringkat Diploma/Sijil dan sijil tertinggi 1 iaitu peringkat Ijazah/Lanjutan masing-masing menunjukkan sedikit perbezaan bilangan ketua isi rumah yang memperoleh sijil-sijil itu.
- Sijil tertinggi 3 iaitu peringkat STPM mencatatkan bilangan ketua isi rumah yang paling sedikit memperoleh sijil tertinggi tersebut.

### **Rumusan Keseluruhan :**

Melalui kajian yang dijalankan ke atas data sekunder iaitu soal selidik mengenai pendapatan isi rumah, semua objektif telah berjaya dicapai iaitu dapat mengenal pasti pekerjaan ketua isi rumah di mana kebanyakannya pekerja mahir pertanian dan perhutanan berbanding jenis pekerjaan yang lain. Seterusnya, kajian ini dapat menyenaraikan pendapatan kasar bulanan purata yang majoriti rakyat Malaysia mempunyai pendapatan kasar bulanan (purata) dari Januari hingga Disember lebih daripada 20000. Objektif lain yang dapat dipenuhi ialah pengkaji dapat menentukan taraf aktiviti ketua isi rumah yang mencatatkan pekerja swasta mempunyai bilangan ketua isi rumah yang tertinggi. Selain itu, kajian ini dapat membandingkan jumlah pendapatan kasar dan bersih (tahunan) iaitu jumlah pendapatan kasar (tahunan lebih tinggi daripada jumlah pendapatan bersih (tahunan). Pengkaji turut dapat mengenal pasti sijil tertinggi ketua isi rumah iaitu pada peringkat SPM/SPMV.



## 2.0 JALAN KERJA BAGI MENGHASILKAN GRAF

### DATA SEKUNDER : (Script Pengaturcaraan R)

```
his <- read.csv(file.choose(),header = TRUE) his

#Objektif1 barplot(table(his$kelas_occ), main="Jenis pekerjaan Ketua Isi
Rumah",      xlab="Pekerjaan",ylab="Bilangan Ketua Isi
Rumah",col=c('orange4'))

#Objektif2
plot(his$INSC07_12,type='h',pch=23,main = "Pendapatan Kasar Bulanan Purata"
,xlab='Pendapatan kasar bulanan (Purata)', ylab='Bilangan Ketua Isi
Rumah',col=c('violetred1'))

#Objektif3 barplot(table(his$hoh_activity), main="Taraf Aktiviti Ketua Isi
Rumah",      xlab="Taraf Aktiviti",ylab="Bilangan Ketua Isi
Rumah",col=c('yellow1'))

#Objektif4
plot(his$INCS07, type = 'p', pch = 13, main = "Jumlah Pendapatan Kasar dan Bersih
(Tahunan)",
      xlab = 'Jenis Pendapatan', ylab = 'Jumlah Pendapatan Kasar dan Bersih (Tahunan)',
      col = c('violetred1'))

lines(his$INCS08, col = 'yellow')

legend(100,2000000, c('Pendapatan Bersih','Pendapatan Kasar'), cex = 0.7,
fill = c('yellow','violetred1'))

#Objektif5
barplot(table(his$hoh_cert), main="Sijil Tertinggi Ketua Isi Rumah",
xlab="Sijil Tertinggi",ylab="Bilangan Ketua Isi Rumah",col=c('yellow4'))
```